



INSTITUTE OF  
POSTGRADUATE  
STUDIES



# INGRAW 2012

**KETERHADAN SUMBER ALAM  
DALAM EKONOMI ISLAM  
ARUS PERDANA**

**Mohd Zulkifli Muhammad**

**THE 7th ISDEV INTERNATIONAL  
GRADUATE WORKSHOP**  
**30 - 31 October**

**University Conference Hall, Universiti Sains Malaysia  
Penang, Malaysia**

**JOINTLY ORGANISED BY:**

**CENTRE FOR ISLAMIC DEVELOPMENT  
MANAGEMENT STUDIES (ISDEV)  
AND INSTITUTE OF POSTGRADUATE STUDIES (IPS)**

# KETERHADAN SUMBER ALAM DALAM EKONOMI ISLAM ARUS PERDANA<sup>1</sup>

**Mohd Zulkifli Muhammad<sup>2</sup>**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia

11800 Pulau Pinang

## Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk meneliti tentang andaian sistem ekonomi Islam arus perdana yang mengatakan bahawa sumber alam adalah terhad (*scarcity of resources*). Kertas kerja ini cuba menganalisis andaian tersebut berdasarkan beberapa pandangan ahli ekonomi Islam arus perdana terkemuka. Analisis kandungan dan kaedah perpustakaan digunakan dalam mencapai hasrat ini. Kertas kerja ini mendapati bahawa andaian ekonomi Islam arus perdana tersebut diambil daripada ekonomi pro-lazim. Andaian tersebut diasimilasikan dengan sokongan sumber-sumber rujukan mutlak Islam agar wujud ciri-ciri keislaman di dalam andaian tersebut. Implikasi daripada dapatan kajian ini ialah perlunya satu kajian yang komprehensif dilakukan bagi membina satu resolusi baru dalam andaian ekonomi Islam yang betul.

**Kata Kunci:** kajian literatur, andaian ekonomi Islam arus perdana, sumber alam adalah terhad.

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan di *The 7th ISDEV International Graduate Workshop* (INGRAW 2012) yang dianjurkan oleh Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) dengan kerjasama Institut Pengajian Siswazah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 30-31 Oktober 2012 bertempat di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

<sup>2</sup> Mohd Zulkifli Muhammad ialah calon Ijazah Kedoktoran di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang.

## **PENDAHULUAN**

Kertas kerja ini secara umumnya membincangkan tentang salah satu andaian yang terdapat dalam ekonomi Islam arus perdana; keterhadan sumber alam. Secara khususnya, kertas kerja ini bertujuan untuk meneliti dan menelusuri kajian-kajian lepas yang tertumpu kepada andaian bahawa sumber alam adalah terhad. Andaian ini hanya tertakluk dalam konteks ekonomi Islam arus perdana sahaja.

Hakikatnya andaian keterhadan sumber alam berasal daripada falsafah ekonomi lazim. Secara lebih spesifik, ia terbit daripada teori-teori yang lahir dari Falsafah Pasca-Klasikal yang melahirkan sistem kapitalis dan teori-teori dari Falsafah Marxis dan Pasca-Marxis yang melahirkan sistem sosialis dan komunis (Muhammad Syukri Salleh, 2003:8). Kedua-dua Falsafah Kapitalis dan Marxis percaya terhadap andaian bahawa sumber-sumber alam adalah terhad. Oleh kerana keterhadan sumber alam ini, mereka berusaha mencari satu kaedah berkesan untuk menggunakan sumber-sumber alam berkenaan dengan sebaik mungkin untuk memenuhi kemahuuan manusia yang tidak terhad itu (Muhammad Syukri Salleh, 2003:10; Muhammad Abdul Mannan, 1989:38).

Seterusnya, andaian ini telah diambil oleh ahli ekonomi Islam arus perdana lalu diolah, diasimilasi dan disaluti dengan elemen-elemen Islam agar ianya boleh dipanggil andaian dalam ekonomi Islam. Antara ahli ekonomi Islam arus perdana tersebut ialah Monzer Kahf (1987), Muhammad Nejatullah Siddiqi (1988), Muhammad Abdul Mannan (1989), Khurshid Ahmad (1992), Rafiq al-Masri (1998), M. Umer Chapra (2001), Abdel Rahman Yousri Ahmad (2002), M. Fahim Khan (2002), Habib Ahmed (2002).

Oleh itu, satu tinjauan literatur yang bertumpukan hasil penulisan ahli ekonomi Islam yang berkaitan andaian keterhadan sumber alam telah dijalankan merangkumi sumber bercetak dan elektronik. Namun demikian, tinjauan literatur ini hanya bertumpu kepada bahan-bahan yang ditulis sama ada dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sahaja. Bahan-bahan berkaitan yang ditulis dalam bahasa selain daripada kedua-dua bahasa ini tidak diambilkira untuk tinjauan literatur ini. Begitu juga dengan analisis pandangan ahli ekonomi Islam arus perdana ini tidak dibuat secara keseluruhan, tetapi diambil beberapa pandangan sahaja.

Kertas kerja ini dimulai dengan pendahuluan dan maksud andaian keterhadan sumber alam berdasarkan pendefinisan daripada beberapa ahli ekonomi. Seterusnya dilanjutkan dengan perbincangan literatur tentang andaian dalam ekonomi Islam arus perdana; keterhadan sumber alam (*scarcity of resources*) sebelum diakhiri dengan kesimpulan.

## **DEFINISI KETERHADAN SUMBER ALAM (SCARCITY OF RESOURCES)**

Menurut ekonomi lazim, keterhadan sumber alam adalah konsep utama yang terkandung dalam sains ekonomi. Sekiranya keterhadan sumber alam tidak wujud, maka tiadalah disiplin sains ekonomi dan seterusnya tidak perlulah kepada sains ekonomi itu sendiri (Wahbalbari Amir Ahmed, 2010:148). Menurut beliau lagi, ekonomi lazim wujud supaya dapat menyediakan teori dan praktis ke arah menyelesaikan masalah keterhadan sumber alam ini.

Sementara itu, terdapat lagi beberapa pendefinisan terhadap sumber alam dapat dilihat melalui kajian-kajian lepas. Kebanyakan definisi tersebut adalah hampir sama. Secara umumnya, ia berkisar tentang input pengeluaran sesuatu barang dan perkhidmatan. Antaranya, definisi yang diberikan oleh Salvatore (2003:4), Case et.al. (2012:57) dan Binger

& Hoffman (1998:95). Menurut mereka, sumber alam dapat didefinisikan kepada input, faktor atau kaedah mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang dikehendaki. Ia juga boleh diklasifikasikan sebagai tanah (atau sumber alam), buruh (atau sumber manusia) dan modal. Tanah merujuk kepada kesuburan tanah, iklim, hutan belantara dan mineral galian. Buruh pula merujuk kepada semua usaha manusia sama ada fizikal dan mental yang boleh digunakan bagi menghasilkan barang dan perkhidmatan. Modal pula merujuk kepada mesin-mesin, gudang atau kilang, peralatan, inventori, pengangkutan, saliran dan rangkaian telekomunikasi.

Sumber alam ini dianggap terhad bagi memenuhi kehendak manusia yang tidak terbatas. Menurut Ahmad et.al., (2011:43) sekiranya sumber ini tidak terhad, maka permasalahan ekonomi tidak timbul sama sekali. Permasalahan yang ditonjolkan dalam andaian ini ialah sumber yang diperlukan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan bagi memenuhi kehendak manusia adalah terhad penawarannya.

## **KAJIAN LITERATUR TERHADAP KETERHADAN SUMBER ALAM (SCARCITY OF RESOURCES)**

Terdapat banyak kajian-kajian lepas yang berkaitan keterhadan sumber alam dalam konteks ekonomi Islam arus perdana. Perbincangan mengenai andaian ini sudah lama dibahaskan oleh pakar-pakar ekonomi Islam seperti Ibn Taimiyah (1381), Abdul Azim Islahi (1983), Timur Kur'an (1992), Mian M. Nazeer (1981), Mohammad Anas Zarqa (1992), Zubair Hassan (1998), Farhad Nomani & Ali Rahnema (1994), Rasul Shams (2004), Monzer Kahf (2002), F. R. Faridi (1983), Sayed M. Ismail (1989), Childs (2002), Toseef Azid & Mehmet Asutay (2007), Muhammad Akram Khan (1994), Khurshid Ahmad (1992), Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002) dan pakar ekonomi Islam yang lain, namun ianya seolah-olah seperti tidak ada persetujuan atau resolusi akhir terhadap andaian-andaian ekonomi Islam yang benar-benar berpaksikan kepada ketauhidan terhadap Allah S.W.T. dan selari dengan tasawur Islam, lalu ianya ditinggalkan begitu sahaja (Muhammad Syukri Salleh, 2011:2)<sup>3</sup>.

Dalam seksyen ini dinyatakan beberapa kajian literatur tentang keterhadan sumber alam yang dilakukan oleh penyelidik terdahulu. Oleh itu, kajian literatur yang bersifat pengenalan ini tidak mengambil kira semua kajian-kajian penyelidik tentang andaian ini.

Satu kajian yang dilakukan oleh Wahbalbari Amir Ahmed (2010:148) mendapati keterhadan sumberdaya adalah masalah kemahuan manusia yang tidak terbatas dalam konteks sumber alam yang terbatas. Ini bermaksud, sama ada manusia memang tidak mempunyai sumber alam yang mencukupi bagi memenuhi kemahuan dan keperluan manusia. Ataupun tidak semua kemahuan dapat dipenuhi dalam sesuatu masa. Jadi timbal-balas (*trade-off*) harus berlaku dalam memilih sesuatu barang dan perkhidmatan dan melepaskan barang dan perkhidmatan yang lain.

Menurut Wahbalbari Amir Ahmed (2010:148) lagi, keterhadan sumber alam juga boleh bersifat mutlak dan sementara. Pandangan ini sama dengan pandangan yang diberikan oleh Khurshid Ahmad (1992:39-40) dan Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002). Menurut mereka,

---

<sup>3</sup> Untuk pembacaan lanjut, sila rujuk Muhammad Syukri Salleh, (2011:7).

perbincangan tentang keterhadan sumber alam bersifat sementara lebih banyak diperbincangkan oleh pakar ekonomi moden (Wahbalbari Amir Ahmed, 2010:147-171)<sup>4</sup>.

Sebagai contoh kajian yang dilakukan oleh Muhammad Akram Khan (1994). Beliau berpendapat kekurangan sumber adalah semata-mata satu fenomena buatan manusia yang terhasil daripada pembaziran dalam penggunaannya atau agihan yang tidak betul. Faktor-faktor inilah yang memburukkan lagi keadaan tetapi bukan menjadi penyebab kepada sumber yang terhad itu. Penghujahan oleh Muhammad Akram Khan (1994) juga disokong sama ada secara langsung atau tidak, oleh Mohammad Anas Zarqa (1992:59) dan Khurshid Ahmad (1992:39-40). Mohammad Anas Zarqa (1992:59) juga percaya bahawa sumber adalah terhad dan boleh habis kerana penawaran yang terhad. Oleh itu, apa yang tersedia di bumi, walau besar mana pun, namun ianya terbatas. Khurshid Ahmad (1992:39-40) pula bersetuju dengan penghujahan Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002) tentang konsep yang dipanggil ‘*relative scarcity*’ tetapi mengatakan konsep ‘*absolute scarcity*’ perlu dikaji semula (Muhammad Syukri Salleh 2011:11).

Berbalik semula kepada penghujahan oleh Muhammad Akram Khan (1994), pandangan ini disangkal oleh Zubair Hassan (1996:582)<sup>5</sup>. Beliau menyatakan pandangan Muhammad Akram Khan (1994) sedikit mengelirukan, sama dengan beberapa ahli ekonomi yang lain. Beliau berhujah al-Qur'an menegaskan Allah S.W.T. telah mencukupkan bumi dan syurga dengan sumber-sumber yang tiada terhadnya untuk penghidupan bagi semua makhluknya yang zahir termasuk manusia, haiwan, tumbuhan dan yang ghaib termasuk jin dan sebagainya.

Zubair Hassan (2011:8) berhujah Muhammad Akram Khan (1994) tidak menyedari bahawa fakta tentang ‘*kewujudan* sumber yang tidak terhad untuk semua makhluk pada setiap masa dan tempat’ dan fakta bahawa ‘*ketersediaan* sumber untuk seseorang individu atau kumpulan pada masa dan lokasi tertentu serta dalam kuantiti yang diperlukan’ adalah suatu yang berbeza. Ianya bukan masalah kewujudan sumber, akan tetapi masalah ketersediaan sumber yang menjadi pangkal isu utama dan konsep kepada wujudnya andaian sumber adalah terhad. Menurut Zubair Hassan (1996:582), ketersediaan sumberlah yang menjadi fungsi kepada pengetahuan- pengetahuan tentang kewujudannya, bagaimana cara mendapatkannya, cara menggunakan dan kos-kos yang terlibat dalam proses tersebut. Al-Qur'an menjelaskan, Allah S.W.T. bukan sahaja menganugerahkan sumber yang melimpah ruah, tetapi juga memberitahu kita bahawa Allah S.W.T. sendiri adalah sumber kepada ilmu pengetahuan melalui *kalamullah*. Seperti yang termaktub dalam al-Qur'an:

“...dan Kami turunkan kepadamu al-Qur'an menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam.”  
(an-Nahl:89)

---

<sup>4</sup> Seperti kajian oleh Muhammad Akram Khan (1994), Mohammad Anas Zarqa (1992), Khurshid Ahmad (1992) dan Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002). Akan tetapi, pakar ekonomi silam pula lebih tertumpu kepada perbincangan tentang sumber alam yang terbatas secara kekal seperti yang diutarakan oleh Thomas Malthus (1798).

<sup>5</sup> Pandangan ini juga sama dengan Sohrab Behdad (2005:9&15). Akan tetapi ianya tidak dibincangkan kerana lebih memfokuskan kepada pandangan Presiden Iran Pertama Abulhassan Banisadr terhadap pelaksanaan ekonomi Islam di Iran.

*“Dan sesungguhnya Kami telah mendatangkan sebuah Kitab (al-Qur'an) kepada mereka yang Kami telah menjelaskannya atas dasar pengetahuan Kami<sup>6</sup>; menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.”* (al-A'raaf:52)

Akan tetapi, Allah S.W.T. juga memperingatkan kita bahawa Allah S.W.T. memberi rezeki kepada manusia sedikit demi sedikit menurut pertimbangan yang bijaksana agar manusia tidak melampui batas. Seperti firman-Nya yang bermaksud:

*“Dan jikalau Allah melapangkan rezeki kepada hamba-hamba-Nya tentulah mereka akan melampaui batas di muka bumi, tetapi Allah menurunkan apa yang dikehendaki-Nya dengan ukuran. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui (keadaan) hamba-hamba-Nya lagi Maha Melihat.”* (al-Syuraa:27)

Zubair Hassan (1996:582; 2005) mengupas lagi penghujahan dengan berpendapat bahawa pernyataan Muhammad Akram Khan (1994) tentang kekurangan sumber adalah semata-mata satu fenomena buatan manusia tidak boleh diterima bulat-bulat. Pembaziran dalam penggunaannya atau agihan yang tidak betul mungkin boleh memburukkan lagi keadaan tetapi bukanlah intipati kepada sumber yang terhad itu. Pendapat ini selari dengan Toseef Azid & Mehmet Asutay (2007:162) yang mengatakan bahawa konsep keterhadan sumber alam ini telah memaksa agen ekonomi ke arah penggembangan sumber alam secara cekap dan bagi mengelakkan pembaziran dalam penggunaan dan perbelanjaan pembangunan manusia (Toseef Azid & Mehmet Asutay, 2007:162).

Anggapan bahawa kekurangan sumber hanyalah sebagai faktor gangguan dalam ‘kecukupan’ sumber adalah tidak betul, malah tidak perlu sama sekali. Untuk mentakrifkan pernyataan ini secara tepat amat sukar, namun ianya tidak mustahil. Oleh yang demikian, pernyataan yang lebih baik ialah, sumber terhad disebabkan oleh kurangnya pengetahuan manusia terhadap limpahan kurniaan rezeki daripada Allah S.W.T.<sup>7</sup> (Zubair Hassan 1996:582). Dalam firman-Nya yang bermaksud:

*“...dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit.”* (al-Israa':85)

*“Dan tidaklah ada binatang yang melata dibumi melainkan Allah yang member rezekinya dan Dia mengetahui tempat berdiam binatang itu dan tempat penyimpanannya. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) yang nyata (kepada Malaikat-malaikat yang berkenaan).”* (al-Huud:6)

Manakala, dalam ayat lain Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

*“Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takut kemiskinan. Kamilah yang akan member rezeki kepada mereka dan juga kamu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah satu dosa yang besar.”* (al-Isra':31)

---

<sup>6</sup> Maksudnya: atas dasar pengetahuan Kami tentang apa yang menjadi kemashlahatan bagi hamba-hamba Kami di dunia dan akhirat.

<sup>7</sup> Sesungguhnya Allah S.W.T. memberikan rahmatnya tanpa batasan untuk semua makhluk terus hidup dan wujud seperti yang dikehendaki-Nya dengan sumber yang terdapat di langit dan di bumi. Rezeki semua makhluk ditentukan dan diberikan oleh Allah S.W.T.

Akan tetapi, berlainan pula dengan hujah yang diberikan oleh Muhammad Syukri Salleh (2011:8) terhadap penghujahan yang dilontarkan oleh Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002). Abdel Rahman Yousri Ahmad (2002) percaya sumber alam yang terhadalah yang menyebabkan masalah ekonomi, termasuk menjadi asas kepada proses ekonomi seterusnya. Abdel Rahman Yousri Ahmad (2002) juga berpendapat perlunya mencari kaedah pengeksploitasi yang terbaik terhadap sumber ekonomi memandangkan ianya terhad sedangkan kemahuan manusia tidak terhad.

Namun, secara logiknya, memaksimumkan pengeluaran sumber alam dalam keadaan yang terhad boleh mempercepatkan lagi kehabisan sumber yang ada. Ia juga tidak akan dapat mewarisi apa-apa kepada generasi akan datang bahkan akan memusnahkan lagi alam sekitar. Jadi apakah sumbangan sebenar ekonomi Islam dalam menggalakkan pembangunan yang lebih harmoni yang Islam sepatutnya syorkan? (Muhammad Syukri Salleh 2011:8). Sumber-sumber alam, dari sudut ketauhidan dan cara pengagihan yang dianjurkan oleh Islam adalah tidak terhad. Apa yang dikatakan terhad adalah dari sudut fizikal dan kuantiti (al-Qur'an 42:27)<sup>8</sup>. Sumber-sumber alam ini sudah dijamin untuk setiap orang berdasarkan rezeki yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. (Muhammad Syukri Salleh 2003:12).

Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Childs (2002:4-6) pula mengaitkan konsep keterhadan sumber alam dengan konsep tauhid kepada Allah S.W.T. Perbincangan ini kemudian dibandingkan dengan pandangan ekonomi lazim terhadap konsep keterhadan. Menurut beliau, ekonomi Islam adalah sangat dipengaruhi oleh agama Islam itu sendiri. Akan tetapi, ekonomi lazim pula dilahirkan melalui pemikiran akal manusia. Kedudukan Tuhan dalam ekonomi lazim adalah tidak relevan dan jarang dibincangkan oleh pakar ekonomi lazim. Ianya lebih ke arah menuruti kehendak manusia, berbanding Tuhan. Pandangan ini adalah sama dengan apa yang diutarakan oleh Sayed M. Ismail (1989:317-319,331). Menurut beliau, oleh kerana ekonomi lazim lebih menuruti kehendak manusia, justeru ia telah mencerminkan kelemahan, kepentingan diri manusia dan ketidaksempurnaan. Pemisahan ekonomi lazim dengan agama juga menyebabkan penolakannya di kalangan ahli agama. Berbeza pula dengan ekonomi Islam, kepatuhan umat Islam kepada ekonomi Islam dilakukan dengan pemahaman bahawa mereka mentaati Allah S.W.T. Bagi mereka, penyisihan diri daripada sistem ekonomi Islam bukanlah merupakan satu pilihan (Ismail:317-319,331).

Menurut Childs (2002:4-6) lagi, ekonomi lazim telah mengemukakan pelbagai prinsip ekonomi, salah satu yang paling penting adalah prinsip keterhadan sumber alam. Seperti yang dinyatakan oleh Malthus (1798), keterhadan sumber merujuk kepada hakikat bahawa terdapat jumlah sumber alam yang terhad di bumi dan jumlah kehendak dan keperluan manusia yang tidak terbatas. Oleh itu, nilai sumber bumi berkait secara langsung dengan konsep keterhadan ini (Malthus, 1798; Childs, 2002:4-6). Hal ini berlainan pula dari sudut pandangan ekonomi Islam. Ekonomi Islam menolak teori keterhadan sumber ini, kerana ia menunjukkan ketidaksempurnaan sifat dan rancangan Allah S.W.T. Al-Quran menyatakan bahawa Allah S.W.T. telah menyediakan segala-galanya yang diperlukan oleh manusia untuk hidup (Childs, 2002:4-6). Pandangan ini disokong oleh Farhad Nomani & Ali Rahema (1994). Beliau berhujah bahawa pakar ekonomi Islam menegaskan bahawa kekurangan sumber alam tidak

---

<sup>8</sup> "Dan jika Allah melapangkan rezeki kepada hamba-hamba-Nya tentulah mereka akan melampaui batas di muka bumi, tetapi Allah menurunkan apa yang dikehendaki-Nya dengan ukuran. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui (keadaan) hamba-hamba-Nya lagi Maha Melihat." (al-Qur'an 42:27).

wujud. Sebaliknya, batasan kapasiti pengeluaran manusia yang menyebabkan keterhadan sumber tersebut (Farhad Nomani & Ali Rahnema, 1994:83-84).

Berbeza pula dengan pandangan Rasul Shams (2004:5-6,9) pada membicarakan keterhadan sumber alam. Beliau mengaitkan isu ini dengan pengawalan nafsu. Menurut Rasul Shams (2004:5-6), manusia yang mempunyai kehendak tidak terbatas akan berasa tamak kerana mereka tahu tiada had dalam keinginan dan sentiasa tamak walaupun sumber terhad. Setiap kali satu kehendak dapat dipenuhi, kehendak lain akan muncul. Lalu mereka akan berasa tertekan untuk memenuhi kehendak baru tersebut. Ketika mereka beroleh kepuasan, dalam masa yang sama akan terbina perasaan kekurangan dalam diri mereka. Oleh yang demikian, perasaan tidak puashati akan muncul. Dalam proses ini, mereka sentiasa sibuk dengan persoalan bagaimana untuk menggerakkan sumber-sumber yang terhad bagi memenuhi kehendak baru. Mereka tidak pernah berada dalam keadaan yang tenang dan cukup. Berbeza dengan orang Islam, mereka mempunyai kehendak yang sederhana, sentiasa berpuashati dengan fikiran yang tidak terganggu. Kehendak mereka adalah terhad kerana sedar akan hakikat bahawa mereka adalah khalifah untuk memakmurkan bumi ini dengan perintah Allah S.W.T. Mereka juga menggunakan sumber-sumber yang cukup untuk memenuhi kehendak yang terhad itu (Rasul Shams, 2004:5).

Kajian yang berkaitan dengan pengawalan nafsu ini adalah sama dengan kajian yang dilaksanakan oleh Muhammad Syukri Salleh (2003:13). Perbezaannya adalah pada membicarakan bagaimana nafsu boleh membawa kepada ketidakbatasan kehendak manusia pada kajian Rasul Shams (2004). Akan tetapi, kajian Muhammad Syukri Salleh (2003) lebih kepada membicarakan tingkat-tingkat nafsu baik dan jahat dan bagaimana mengawalnya. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003:13), walaupun nafsu manusia sentiasa melonjak untuk meningkat kehendak kebendaan, tetapi ajaran Islam yang berkaitan dengan penggunaan dan pengeluaran dapat menahan nafsu tersebut. Oleh sebab itu, menurut beliau kemahuan yang tidak terhad itu merupakan manifestasi kepada bermaharajalelanya nafsu jahat *ammarah* atau *lawwamah* atau *mulhamah* di dalam jiwa manusia. Apabila nafsu *ammarah*, *lawwamah* dan *mulhamah* ini dapat dibaiki dan manusia dapat mencapai nafsu yang baik seperti *mutmainnah* dan lebih-lebih lagi nafsu *radhiyah*, *mardhiyyah* dan *kamilah*, kemahuan manusia itu dapat dihadkan (Muhammad Syukri Salleh, 2003:13).

Menurut Rasul Shams (2004:6) lagi, ekonomi Islam adalah selaras dengan alam. Aktiviti ekonomi bermaksud pengekstrakan bahan mentah dari sumber alam untuk diperuntukkan kepada manusia melalui proses pengeluaran. Dalam ekonomi yang dihuni oleh manusia yang mempunyai kehendak tidak terbatas mesti ada tekanan ke atas sumber asli agar cepat diektstrak dari bumi, diubah dan digunakan untuk merealisasikan kehendak mereka secara maksimum. Manusia akan berada dalam konfrontasi yang berterusan dengan alam yang dapat memenuhi kehendak mereka yang semakin tidak terhad itu.

Kajian yang dilakukan oleh Monzer Kahf (2002:4-5) pula bersetuju dengan wujudnya konsep keterhadan sumber dalam ekonomi Islam. Pandangan ini adalah selari dengan Muhammad Akram Khan (1994), Mohammad Anas Zarqa (1992:59) dan Khurshid Ahmad (1992:39-40). Bezanya, Monzer Kahf (2002) juga bersetuju dengan konsep kecukupan rezeki daripada Allah S.W.T. Menurut Monzer Kahf (2002:Seksyen 1:4-5), Allah S.W.T. telah memberikan kepada manusia sumber yang terhad. Allah S.W.T. berfirman:

*"Dan tidak ada sesuatupun melainkan pada sisi Kami sahaja perbendaharaannya, dan Kami tidak menurunkannya melainkan dengan menurut kadar dan masa yang tertentu."* (al-Hijr:21)

dan

*"Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan)."* (al-Qamar:49)

Menurut beliau lagi, ini adalah asas kepada keterhadan sumber alam dalam bidang ekonomi. Keterhadan sumber alam yang diberikan oleh Allah S.W.T. kepada mana-mana orang atau masyarakat diukur dan dihadkan. Oleh itu, manusia perlu memikirkan cara yang terbaik dan paling rasional dalam menentukan apa, bagaimana dan untuk siapa sumber yang terhad tadi akan digunakan.

Akan tetapi, Allah S.W.T. memberi jaminan sumber rezeki yang mencukupi kepada mereka hatta untuk semua makhluk lain seperti dalam firman Allah S.W.T.:

*"Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia di simpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan)."* (Hud:06)

dan

*"Dan (ingatlah) berapa banyak binatang yang tidak membawa rezekinya bersama, Allah jualah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu dan Dialah juga Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."* (al-'Ankabut:60)

Oleh itu, di sebalik kekurangan sumber alam, Allah S.W.T. juga memberikan rezeki yang mencukupi untuk setiap makhluk. Kombinasi keterhadan dan kecukupan sumber alam ini adalah penting kepada konsep masalah ekonomi dalam Islam. Ia juga berkait dengan asas-asas pendekatan Islam dalam menyelesaikan masalah ekonomi umat manusia (Monzer Kahf, 2002:4-5).

Daripada sisi lain, kajian yang dijalankan oleh Ibn Taimiyah (1381:523) dalam penulisan Abdul Azim Islahi (1983) mengaitkan keterhadan dan kecukupan sesuatu sumber alam adalah dipengaruhi oleh penawaran dan permintaan. Ibn Taimiyah mempunyai tanggapan yang jelas tentang harga dalam pasaran bebas yang ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran. Dia berkata: "Turun naik harga tidaklah hanya disebabkan oleh ketidakadilan (kezaliman) sesetengah pihak. Akan tetapi boleh jadi disebabkan oleh kekurangan dalam pengeluaran. Oleh itu, jika kehendak manusia meningkat tetapi barang berkurangan, harga akan melonjak naik. Sebaliknya, jika barang bertambah walhal kehendak berkurangan, harga akan menurun. Keterhadan atau kecukupan boleh jadi disebabkan oleh ketidakadilan mana-mana pihak. Kadang-kadang, ia juga mungkin boleh disebabkan oleh perkara yang tiada kaitan langsung dengan ketidakadilan. Semuanya berada dalam kekuasaan Allah S.W.T. yang mencipta keinginan dalam hati setiap orang." (Ibn Taimiyah, 1381:523; Abdul Azim Islahi, 1983:51).

Dalam fatwa Ibn Taimiyah, beliau memberikan beberapa faktor yang memberi kesan kepada permintaan dan harga (Ibn Taimiyah, 1381:523-525). Beliau berpandangan keinginan

manusia (*al-raghahah*) boleh berubah-ubah. Ia berubah mengikut banyaknya atau kurangnya barang yang dituntut (*al-matlub*). Sesuatu barang akan menjadi lebih diingini ketika ia terhad daripada ketika ia boleh didapati dengan banyaknya di pasaran.

Muhammad Akram Khan (1984:51) pula membuat huraian terhadap pendefinisan ekonomi Islam dengan mengaitkan keterhadan sumber alam dalam definisi tersebut. Definisi yang dimaksudkan adalah: "Ekonomi Islam bertujuan membuat kajian terhadap pencapaian kejayaan (*al-falah*) manusia melalui pengurusan sumber-sumber alam berasaskan penglibatan dan kerjasama semua pihak."

Bagi menghuraikan keterhadan sumber alam ini, Muhammad Akran Khan (1984:51) berpendapat ekonomi Islam adalah suatu disiplin yang mengkaji tingkah laku manusia terhadap sumber-sumber alam dan kaedah penggunaan yang boleh membawa kepada *al-falah*. Sumber-sumber alam ini bertujuan untuk memberikan sumber penghidupan kepada makhluk Allah S.W.T. Tambahan pula, al-Quran menyatakan bahawa Allah S.W.T. telah menciptakan sumber yang mencukupi untuk makhluk-Nya melalui Surah Fussilat:10;

*"Dan Ia menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya (tersergam tinggi) di atasnya, serta Ia melimpahkan berkat padanya; dan Ia menentukan ada padaNya bahan-bahan keperluan hidup penduduknya, sekadar yang menyamai hajat yang diminta dan dikehendaki oleh keadaan mereka; (semuanya itu berlaku) dalam empat masa."* (Fussilat:10)

Oleh itu, keterhadan yang berlaku mungkin disebabkan oleh ketidakcekapan penggunaan khazanah alam semulajadi yang betul atau pengagihan yang tidak seimbang. Ekonomi Islam mengkaji sumber alam dari sudut pandangan 'kecukupan' bukannya keterhadan. Ia bermula dengan pernyataan bahawa sumber-sumber alam adalah 'mencukupi' untuk mencapai *al-falah*. Oleh itu, jika ada berlaku 'keterhadan', manusia mesti ada melakukan sesuatu yang salah, dan suatu kaedah harus dicari untuk memulihkan keadaan 'kecukupan' tadi. Ini boleh dibuat dengan meningkatkan produktiviti, memperbaiki sudut teknikal '*know-how*', pengagihan semula sumber alam atau menyekat penyalahgunaan sumber dan kehendak yang terlalu berlebihan dan remeh. Kekurangan sumber adalah satu situasi buatan manusia dan ekonomi Islam mengkaji keadaan tersebut bagi memperbetulkannya (Muhammad Akran Khan, 1984:51).

F. R. Faridi (1983:19) pula meletakkan konsep keterhadan sumber alam sebagai salah satu daripada empat masalah asas dalam ekonomi Islam. Empat masalah asas tersebut adalah; a) penawaran sumber produktif yang terhad telah membawa kepada masalah keterhadan sumber alam, b) keterhadan sumber alam ini kemudian membawa kepada masalah pembuatan keputusan tentang peruntukkan sumber yang ada dan institusi mana yang bersesuaian agar peruntukan tadi dapat digembleng dengan cekap, c) masalah agihan yang berkaitan dengan kaedah pengagihan output kepada pelbagai individu, keluarga dan masyarakat, dan d) masalah dalam meningkatkan produktiviti masyarakat ke arah kebajikan umat yang lebih terjamin. Jelaslah di sini, F. R. Faridi (1983) berpendapat bahawa kewujudan sumber alam yang terhad telah mengheret manusia kepada kemelut pembuatan keputusan ke arah penggembangan sumber alam secara adil dan saksama. Kemelut ini juga melibatkan sejauh mana peranan yang harus dimainkan oleh institusi berwajib ke arah penyelesaian masalah keterhadan sumber alam ini.

Sementara itu, Timur Kuran (1992:11) dalam tulisannya mengaitkan keterhadan sumber dengan masalah penggunaan. Menurutnya, umat Islam terikat dengan 3 norma-norma. Pertama, mereka tidak dibenarkan menggunakan sumber-sumber yang ada ke arah kebatilan seperti penzinaan, meminum arak dan sebagainya. Kedua, umat Islam dikehendaki bersikap sederhana di dalam penggunaan. Menurut beliau, salah satu kesan daripada sikap ini adalah dapat menghapuskan masalah keterhadan sumber alam melalui pengurangan kadar penggunaan. Ketiga, umat Islam hendaklah membayar zakat dan melakukan amalan sedekah kepada orang yang kurang bernalih baik. Pandangan ini sebenarnya menyokong pandangan yang diutarakan oleh Mian M. Nazeer (1981). Mian M. Nazeer (1981) berhujah bahawa sekiranya keputusan penggunaan dan pengeluaran seseorang individu dipandu oleh norma-norma Islam, nescaya penawaran dan permintaan akan menjadi sama rata. Dalam erti kata lain, tidak berlaku keterhadan sumber akibat dari permintaan yang melonjak. Kedua-dua pandangan ini (Timur Kuran, 1992 dan Mian M. Nazeer, 1981) juga sama dengan apa yang telah diakui oleh Ibn Taimiyah (1381:523) dan Abdul Azim Islahi (1983).

## KESIMPULAN

Kertas kerja ini telah membincangkan pandangan ahli ekonomi Islam terhadap isu keterhadan sumber alam (*scarcity of resources*) dengan pelbagai penghujahan yang disokong pula oleh sumber mutlak al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat dua kelompok ahli ekonomi Islam dalam isu ini. Kelompok pertama, mengambil pandangan ekonomi lazim terhadap andaian ini lalu dilaksanakan. Kelompok kedua pula, ahli ekonomi Islam yang menentang pandangan kelompok pertama lalu menyarankan agar ianya hendaklah berpaksikan kepada ketauhidan terhadap Allah S.W.T. dan selari dengan tasawur Islam. Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, pelbagai isu berkaitan andaian keterhadan sumber alam telah dikemukakan para pengkaji seperti sifat keterhadan sumber alam (mutlak atau sementara), konsep rezeki, konsep penggunaan dan pengeluaran, konsep penawaran dan permintaan, pengawalan nafsu dan tingkah laku serta konsep tauhid dalam andaian keterhadan sumber alam ini.

Namun, walau apapun aspek yang dilontarkan, asas perbincangan sebahagian besar kajian sebenarnya bersandarkan kepada kenapa keterhadan sumber alam ini boleh berlaku. Ini adalah dalam skop ekonomi Islam arus perdana. Kajian-kajian yang telah dilaksanakan dilihat cuba meneliti dan menilai sebab dan akibat keterhadan sumber alam terhadap kehidupan umat manusia. Penekanan kajian mereka banyak tertumpu kepada aspek bagaimana untuk menguruskan sumber alam yang terhad.

Walau bagaimanapun, satu aspek yang tidak begitu ditekankan dalam kajian-kajian ini adalah perlukah andaian ini dalam konteks ekonomi Islam. Adakah perlu memasukkan andaian yang berasal dari ekonomi lazim ini ke dalam falsafah ekonomi Islam. Sekiranya perlu, adakah ianya selari dengan konsep ketauhidan kepada Allah S.W.T. dan tasawur Islam yang sebenar? Apakah Allah sengaja menciptakan sumber yang terhad untuk manusia? Adakah wujud satu resolusi atau rumusan baru terhadap andaian ini yang betul-betul mencerminkan ekonomi Islam yang berpaksikan kepada ketauhidan terhadap Allah dan selari dengan tasawur Islam? Oleh yang demikian, perbincangan yang lebih mendalam lagi komprehensif ke arah mencapai satu resolusi baru terhadap andaian ini haruslah dilaksanakan oleh ahli ekonomi Islam agar ianya selaras dengan konsep ketauhidan kepada Allah S.W.T. dan tasawur Islam yang sebenar, tidak sekadar hanya tempelan daripada ekonomi lazim.

## BIBLIOGRAFI

- A. M. Saefuddin (2011). *Membumikan Ekonomi Islam*, Jakarta: PPA Consultants.
- Ab. Rashid Dail (1984). *Prinsip Ekonomi Islam*, Kajang: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.
- Abd. Latif Muda dan Rosmawati Ali (1997). *Pengantar Usul Fiqh*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002). "A Methodological Approach to Islamic Economics: Its Philosophy, Theoretical, Construction, and Applicability", dalam Habib Ahmed, ed., *Theoretical Foundations of Islamic Economics*, Book of Readings No. 3, Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.
- Abdul Hamed Abusulayman (1973). "The Theory of the Economics of Islam: The Economics and Brotherhood", dalam *Contemporary Aspects of Economics and Social Thinking in Islam*, Indiana, USA: MSA of the USA and Canada.
- Abdullah Muhammad Basmeih (1996). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Ahmad Hasan (1999). "The Sources of Fiqh: A General Survey", *Islamic Studies*, 29 (4).
- Ahmad Hassan dan Muhammad Saleh Ahmad (1998). *Usul Fiqh dan Qawa'id Fiqhiyyah*, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Binger, Brian R. dan Hoffman, Elizabeth (1998). *Microeconomics with Calculus*, Massachusetts, USA: Addison-Wesley.
- Brue, McConnell (2005). *Economics*, Boston: McGraw Hill.
- Case, Karl E., Fair, Ray C. dan Oster, Sharon M. (2012). *Principles of Economics*, Essex, UK: Pearson.
- Clancy N. Childs (2002). *A Comparative Analysis of Capitalist and Islamic Economic Systems*. Final Paper AAPTIS 331-Section 3.
- F. R. Faridi (1983). Theory of Fiscal Policy in an Islamic State. *Journal of Research in Islamic Economics*, 1 (1), 15-30.
- Farhad Nomani dan Ali Rahnema (1994). *Islamic Economic Systems*, London: Zed Books Ltd.
- Habib Ahmed, ed. (2002). *Theoretical Foundations of Islamic Economics*, Book of Readings No. 3, Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.
- Hubbard, Glenn R. dan O'Brien, Anthony P. (2013). *Economics*, Essex, UK: Pearson.

Ibn Taimiyah (1383). *Majmu' Fatawa Shaikh al Islam Ahmad b. Taimiyah*, Jil.8, Riyadh: al Riyad Press.

Ibrahim A. Ragab (1995). "On the Nature and Scope of the Islamization Process: Toward Conceptual Clarification", *Intellectual Discourse* 3, No. 2, 113-122.

Imran Ahsan Khan Nyazee (1994). *Theories of Islamic Law*, Islamabad, IIIT.

Imran Ahsan Khan Nyazee (2000). *Islamic Jurisprudence*, Islamabad: IIIT.

Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid (2011). *Ekonomi Islam: Satu Pendekatan Analisis*, Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Khurshid Ahmad (1981). *Studies in Islamic Economics*, Leicester, UK: Islamic Foundation.

Khurshid Ahmad (1992). "Nature and Significance of Islamic Economics", in Ausaf Ahmad and Kazim Raza Awan (1992). *Lectures on Islamic Economics*, Kertas Kerja dan Prosiding International Seminar on 'Teaching Islamic Economics for University Teachers', Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.

Khurshid Ahmad (2004). "Islamizing the Economy: The Pakistan Experience", dalam Robert M. Hathaway dan Wilson Lee, ed., *Islamization and the Pakistani Economy*, Washington D.C.: Woodrow Wilson International Center for Scholars.

M. B. As-Sadr (1987). *Our Philosophy*, terj. Sham S. C. Inati, London, UK: Muhammadi Trust.

M. Fahim Khan (2002). "Fiqh Foundations of the Theory of Islamic Economics: A Survey of Selected Contemporary Writings on Economics Relevant Subjects of Fiqh", dalam Habib Ahmed, ed., *Theoretical Foundations of Islamic Economics*, Book of Readings No. 3, Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.

M. Nashiruddin al-Albani (2003). *Ringkasan Shahih Bukhari*, Jakarta: Al-Maktab Al-Islami atau Ahmad Semait.

Mankiw, Gregory. N., Goh Soo Khoon, Ong Hway Boon, Yen Siew Hwa, Cheng Ming Yu, Muszafarshah Mohd Mustafa dan Yvonne Lee Lean Ee (2013). *Principles of Economics: Malaysia Edition*, Petaling Jaya: Cengage Learning.

Masudul Alam Choudhury (1999). "Editorial: Islamic Economics and Islamic Political Economy", *Managerial Finance*, 25 (5), 1-3.

Mian M. Nazeer (1981). *The Islamic Economic System: A Few Highlights*, Islamabad, Pakistan: Pakistan Institute of Development Economics.

Moh. Ibnu Sulaiman Selamat (2008). "Manusia Sebagai Makhluk Pedagogik: Pandangan Islam dan Barat", *Lentera Pendidikan*, 11(1): 32-44.

Mohamad Akram Laldin (2006). *Introduction to Shariah and Islamic Jurisprudence*, Kuala Lumpur: CERT Publications.

Mohamed Aslam Haneef (1997). "Islam, the Islamic Worldview, and Islamic Economics", *IIUM Journal of Economics and Management*, 5 (1), 39-65.

Mohammad Anas Zarqa (1992). "Methodology of Islamic Economics", dalam Ausaf Ahmad and Kazim Raza Awan (1992). *Lectures on Islamic Economics*, Kertas Kerja dan Prosiding International Seminar on 'Teaching Islamic Economics for University Teachers', Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.

Mohammad Hashim Kamali (1991). *Principles of Islamic Jurisprudence*, Cambridge: Islamic Texts Society.

Mohammad Umer Chapra (2001). *What is Islamic Economics*, Pemenang Hadiah IDB, Lecture Series No. 9, Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.

Monzer Kahf (1987). "Islamic Economics: Notes on Definition and Methodology", kertas kerja yang dibentangkan di *International Workshop on the Methodology of Islamic Economics*, Bayero University, Kano, Nigeria, July.

Monzer Kahf (1989). "Islamic Economic System: A Review", dalam Aidit Ghazali dan Syed Omar, ed., *Reading in the Concept and Methodology of Islamic Economics*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications.

Monzer Kahf (2002). *Relevance Definition and Methodology of Islamic Economics*. Dipetik dari [http://monzer.kahf.com/papers/english/methodology\\_malaysia.pdf](http://monzer.kahf.com/papers/english/methodology_malaysia.pdf).

Muhammad Abdul Mannan (1980). *Islamic Economics: Theory and Practice*, Delhi, India: Idarah-I Adabiyat-i.

Muhammad Abdul Mannan (1984). *The Making of an Islamic Economic Society*, Cairo, Egypt: International Association of Islamic Banks.

Muhammad Abdul Mannan (1989). *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*, terj. Radiah Abdul Kader, Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.

Muhammad Abdul Rahim (1979). "The Philosophical Background of the Economics of Islam", dalam, *Thoughts on Islamic Economics*, Islamic Economics Research Bureau Bangladesh.

Muhammad Akram Khan (1994). *An Introduction to Islamic Economics*, Islamabad, Pakistan: International Institute of Islamic Thoughts and Institute of Policies Studies.

Muhammad Arif (1989). "Towards Establishing the Microfoundation of Islamic Economics: The Basis of the Basic", dalam Aidit Ghazali dan Syed Omar, ed., *Reading in the*

*Concept and Methodology of Islamic Economics*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications.

Muhammad Fahim Khan (1995). *Essays in Islamic Economics*, Leicester: The Islamic Foundation.

Muhammad ibn Idris Al-Shafi`i (1987). *al-Risalah fi Usul al-Fiqh*, terj. Majid Khadduri, Cambridge: Islamic Texts Society.

Muhammad Nejatullah Siddiqi (1978). "Contemporary Literature on Islamic Economics", *Research Report No.1*, Jeddah: International Centre for Research on Islamic Economics.

Muhammad Nejatullah Siddiqi (1988). "From Contemporary Economics to Islamic Economics", dalam Abdullah Omar Naseef, ed., *Today's Problems, Tomorrow's Solutions*, London, UK: Mansell Publishing Ltd.

Muhammad Nejatullah Siddiqi (1989). *Muslim Economic Thinking: A Survey of Contemporary Literature*, terj. Mohd. Amin Abdullah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Nejatullah Siddiqi (1992). "Islamic Consumer Behaviour", dalam Sayyid Tahir, Aidit Ghazali & Syed Omar Syed Agil, ed., *Readings in Microeconomics: An Islamic Perspective*, Petaling Jaya, Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Muhammad Syukri Salleh (2003). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*, Kuala Lumpur: Zebra Editions dan Pulau Pinang: Projek Pengurusan Pembangunan Islam (IDMP), Universiti Sains Malaysia.

Muhammad Syukri Salleh (2011). "Islamic Economics Revisited: Re-contemplating Unresolved Structure and Assumptions", kertas kerja yang dibentangkan di *8th International Conference on Islamics Economics and Finance*, Center for Islamic Economics and Finance, Qatar Faculty of Islamic Studies, Qatar Foundation, Doha, Qatar, Disember.

Rafiq al-Masri (1998). *Ishamat al-Fuqaha Fil Furud al-Asasyyiat Li-Ilm al-Iqtesad*, Pemenang Hadiah IDB, Lectures Series No. 14, Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.

Rasul Shams (2004). *A Critical Assessment of Islamic Economics*. HWWA Discussion Paper 281, Hamburg Institute of International Economics, Hamburg, Germany.

S. M. Hasanuz Zaman (1984). "Definition of Islamic Economics", *Journal of Research in Islamic Economics*, Vol. 1, No. 2, Winter, 55-60.

Salvatore, Dominick (2003). *Microeconomics: Theory and Applications*, Oxford, UK: Oxford University Press.

Sayed M. Ismail (1989). *Critical Analysis of Capitalism Socialism and Islamic Economic Order*, Lahore, Pakistan: Oriental Publications.

Seyyed Vali Reza Nasr (1986). "Whither Islamic Economics?", *Islamic Quarterly*, 30 (4), 211-220.

Sohrab Behdad (2005). *Revolutionary Surge and Quiet Demise of Islamic Economics in Iran*. Dipetik dari: <http://www.international.ucla.edu/cms/files/behdadtxt.pdf>.

Sullivan, Arthur. O., Sheffrin, Steven. M. dan Perez, Stephen, J. (2012). *Economics: Principles, Applications and Tools*, Boston: Pearson Education.

Surtahman Kastin Hassan (1990). *Ekonomi Islam*, Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Surtahman Kastin Hassan dan Sanep Ahmad (2010). *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Nawab Haider Naqvi (1983). "Individual Freedom", *Social Welfare and Islamic Economic Order*, Pakistan Institute of Development Economics.

Thomas Malthus (1798). *An Essay on the Principle of Population*, London: J. Johnson.

Timur Kuran (1992). "The Economics System in Contemporary Islamic Thought", dalam Jomo K. S., ed., *Islamic Economic Alternatives: Critical Perspectives and New Directions*, London: MacMillan Academic & Professional Ltd.

Toseef Azid dan Mehmet Asutay (2007)."Does Ethico-moral Coalition Complement to Economic Coalition?: A Response in the Periphery of Islamic Economics", *Humanomics*, 23 (3), 153-173.

Wahbalbari Amir Ahmed (2010). "The Concept of Scarcity and Its Implication on Human Behaviour: Searching the Qur'anic Perspective", *Review of Islamic Studies*, 14 (1), 147-171.

Ziaudin Sardar (1988). *Islamic Futures: The Shape of Ideas to Come*, Petaling Jaya, Malaysia: Pelanduk Publications.

Zubair Hasan (1996). "Book Review: An Introduction to Islamic Economics by Akram Khan", *MPRA Paper*, No. 2980, Munich, Germany: University Library of Munich.

Zubair Hasan (1998). "Islamization of Knowledge in Economics: Issues and Agenda", *IJUM Journal of Economic and Management*, 6 (2).

Zubair Hasan (2005). "Treatment of Consumption in Islamic Economics: An Appraisal", *JKAU: Islamic Economics*, 18 (2), 293-46.

Zubair Hassan (2011). "Scarcity, Self-interest and Maximization from Islamic Angle", *MPRA Paper 31631*, Munich, Germany: University Library of Munich.